



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH AHAD			
TARIKH	:	8/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	TNB			

TNB Reskilling Malaysia

Inisiatif TNB sokong kelangsungan perniagaan

Syarikat utiliti beri sokongan untuk pemulihan ekonomi negara

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memperkenalkan inisiatif TNB Reskilling Malaysia untuk menyokong program pemulihan ekonomi negara.

Pada tahun 2020 dan 2021, ekonomi negara telah terjejas susulan penularan dan peningkatan kes jangkitan COVID-19.

Inisiatif TNB Reskilling Malaysia ini akan membantu mendapatkan pekerja baharu yang diperlukan untuk memastikan kelangsungan perniagaan pasca COVID-19. Perkhidmatan yang ditawarkan ini bagi pencarian dan pengambilan pekerja untuk syarikat memerlukan pekerja baharu.

Berdasarkan jenis pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat, TNB akan melaksanakan program mencari calon pekerja dari kumpulan rakyat Malaysia yang telah diberhentikan atau tidak mempunyai pekerjaan.

Semua calon pekerja ini akan menjalani proses temu duga bersama majikan. Calon yang berjaya dalam sesi temu duga ini akan mengikuti program latihan kemahiran semula (reskilling training program).

Program latihan kemahiran semula untuk calon yang berjaya akan dilaksanakan oleh TNB Integrated Learning Solution Sdn Bhd (TNB ILSAS).

TNB ILSAS adalah sebuah anak syarikat TNB yang memainkan peranan utama dalam melaksanakan program peningkatan keupayaan (capability development) pekerja untuk negara melalui pelbagai program latihan yang dilaksanakan untuk TNB, industri, utiliti, universiti dan lain-lain.

Inisiatif TNB Reskilling Malaysia ini akan membantu sektor

perniagaan menjimatkan kos proses pengambilan pekerja dan akan menerima pekerja yang diberi latihan kemahiran semula.

TNB juga akan memberikan komitmen sehingga RM43 juta untuk membiayai sebahagian daripada kos kewangan bagi pelaksanaan inisiatif ini.

Kos kewangan ini termasuk kos latihan dan kos bagi menaik taraf sebahagian dari kampus Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Muadzam Shah, Pahang sebagai pusat program latihan kemahiran semula (reskilling training program centre).

Pelaksanaan inisiatif ini diharapkan boleh memberi manfaat kepada syarikat di Malaysia. Sasaran jawatan untuk dilaksanakan program latihan kemahiran semula adalah sehingga 17,500 iaitu kira-kira 5,000 jawatan setiap tahun dalam tempoh tiga setengah tahun.

Sejak inisiatif itu diperkenalkan pada bulan Oktober 2020, lebih 1,700 kekosongan jawatan berjaya diisi dengan pembabitian lebih daripada 160 syarikat.



BH Ahad, 8 Ogos 2021.7

Inisiatif TNB Reskilling Malaysia menyokong kelangsungan perniagaan syarikat dengan menyediakan perkhidmatan pencarian dan pengambilan pekerja baharu.

Inisiatif Program TNB Reskilling Malaysia

Penularan pandemik COVID-19 sejak tahun lalu memberi kesan kepada tahap kesihatan penduduk Malaysia dan seluruh dunia. Pandemik ini juga memberi kesan negatif kepada ekonomi semua negara di dunia.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di negara sehingga April 2021 adalah 4.6 peratus iaitu 742,700 rakyat Malaysia yang masih tidak mempunyai pekerjaan.

Inisiatif TNB Reskilling Malaysia diperkenalkan ini diharapkan dapat membantu rakyat Malaysia yang diberhentikan kerja, belum mendapat pekerjaan, terutama lepasan graduan mendapatkan peluang pekerjaan.

Berdasarkan bilangan pekerjaan dilaporkan syarikat yang berdaftar dengan inisiatif ini, semua pemohon pekerjaan akan menjalani proses temu duga dengan bakal majikan.

Pemohon yang berjaya dalam sesi temu duga ini diminta menghadiri program latihan kemahiran semula merujuk kepada kemahiran diperlukan majikan.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh TNB tidak memberi sebarang impak kos kewangan kepada syarikat yang berminat untuk mendaftar dalam inisiatif TNB Reskilling Malaysia ini.

Semua syarikat di Malaysia layak mendaftar untuk program ini dan perlu memaklumkan bilangan pekerja yang diperlukan.

Program latihan yang akan dilaksanakan di bawah inisiatif TNB Reskilling Malaysia disediakan khas untuk sektor pekerjaan dalam industri tenaga serta industri lain di Malaysia.

Program latihan utama untuk sektor industri tenaga adalah Program Pemasang Panel Solar, Program Pemasang Jangka Pintar, Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Kuasa Elektrik, Operasi Fasiliti Elektrik Voltan Sederhana dan Fasiliti Elektrik Voltan Rendah.

Selain program sektor industri tenaga, lebih banyak program latihan kemahiran semula akan dibangunkan untuk memenuhi keperluan syarikat di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut berkenaan Inisiatif TNB Reskilling Malaysia, sila layari <https://tnbilsas.com.my/industry-employment-program/>.

Majikan berpuas hati

Syarikat perkhidmatan drone tempatan, Karisma Aero Management satu daripada banyak majikan yang mendapat manfaat inisiatif TNB reskilling training program centre.

Pengaruh Operasinya, Azhar Selamat, berkata syarikat beliau yang menyertai program ini, dengan harapan dapat menambah bilangan jurutera drone untuk menampung keperluan perniagaan syarikat.


Katanya, secara keseluruhan proses temu duga dengan pemohon pekerjaan berjalan lancar dan syarikat itu berjaya mendapat 10 pekerja baharu.

"Sebagai syarikat perkhidmatan drone kami sentiasa mencari pekerja bakat baharu untuk menampung keperluan operasi perniagaan. Inisiatif program TNB menjadikan usaha mencari pekerja baharu itu lebih mudah," katanya.

Satu lagi majikan yang menyertai dan mendapat manfaat daripada inisiatif TNB reskilling training program centre adalah Kumpulan KOSSAN.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan KOSSAN, Tan Sri Lim Kuang Sia, berkata syarikat beliau menyertai program ini, bagi mencari pekerja baharu untuk memenuhi keperluan operasi syarikat.

"Syarikat KOSSAN tetap komited terhadap pembangunan dan kecekapan pekerja. Kerjasama di antara TNB ILSAS dan Syarikat Kossan membantu kami mendapatkan pekerja baharu yang cekap bagi membantu keperluan operasi kami," katanya.



TNB ILSAS mempunyai Akedemi Dron yang boleh membantu memenuhi keperluan syarikat yang memerlukan jurutera drone.